

Mahathir menembak kakinya sendiri?

DALAM kolom ini (*Sinsah*, 19 Mei - 1 Jun 2006) saya telah membuat andaian tentang kemungkinan Mahathir sedang terlibat dalam suatu persekongkolan untuk menjatuhkan PM Abdullah Badawi (Pak Lah) - dan langkah itu mungkin dilakukannya secara disadari dan mungkin juga secara tidak disadari. Menurut pandangan saya, dalam menghadapi pelbagai isu yang agak penting dan rumit, Timbalan PM Najib Razak kelihatannya selalu lebih "*decisive*" dalam mengambil keputusan-keputusan yang popular dari sudut kepentingan para anggota Umno - meskipun tidak semestinya baik bagi kepentingan negara maupun demokrasi pada umumnya.

Oleh yang demikian, dari segi analisis, saya melihat seolah-olah terdapat semacam "perpecahan" dalam Umno di antara Pak Lah yang tidak begitu *decisive* dengan Najib yang lebih *decisive*. Dalam hubungan itu saya melihat peranan Mahathir sebagai semacam suara sokongan yang tersembunyi terhadap kelompok Najib - dengan memainkan peranan sebagai semacam "suara nurani" yang mengesakan kelemahan-kelemahan Pak Lah. Andaian itu saya buat berdasarkan dakwaan beberapa tokoh yang mempunyai hubungan dengan Mahathir bahawa "suara Mahathir bukanlah suara yang bersendirian."

Namun, pada 7 Jun lalu Mahathir sudah menukar nadanya daripada membuat kritikan-kritikan berlapis yang seringkali tersembunyi terhadap pemerintahan Pak Lah menjadi kritikan yang terbuka lagi pedas. Mahathir mengkritik PM yang mengambil alih jawatan daripadanya itu sebagai telah melaksanakan pentadbiran yang lemah, dengan dasar-dasar yang salah dan telah memporak-perandakan dasar-dasar yang telah dirangka dan dilaksanakannya selama ini. Berdasarkan itu, dia menuduh Pak Lah sebagai pengganti yang tidak mengenang budi, yang tidak berterima kasih kepadanya - sedangkan dia (Mahathir) telah memilihnya sebagai pengganti beliau meskipun beliau bukanlah pilihannya yang pertama kerana ada orang lain (saya kira tentulah maksudnya Najib) yang telah menerima undi yang lebih besar sebagai Naib Presiden Umno.

Saya sendiri berasa amat kaget membaca kritikan Mahathir yang bukan sekadar keras dan pedas terhadap penggantinya itu, tetapi juga amat menghina dan memperkecil-kecilkannya secara peribadi. Mahathir telah sejak beberapa lama kini, yakni sejak kritikan berlapis dan berselindungnya itu mula diluhkannya dengan pelbagai cara dan melalui pelbagai saluran, telah mendakwa bahawa dia mengkritik Pak Lah semata-mata untuk melaksanakan hak demokratisnya sebagai rakyat biasa untuk bersuara. Namun jika kita mengkaji kritiknya itu, ternyata bahawa dia tidak begitu mengindahkan demokrasi dan hak asasi rakyat, kecuali demokrasi dan hak untuk dirinya sendiri. Dia tidak peduli apakah kekuatan dan kelemahan dasar yang sedang berlangsung kini, dia hanya mementingkan bahawa pelaksanaan dasar itu tidak menjejaskan reputasi dan ke-

pentingan dirinya sendiri

Pada penelitian saya, hanya dalam satu hal sahaja Mahathir telah mengambil jalan merendah diri dan mengkritik dirinya sendiri - yakni bila dia sanggup mengkritik dirinya sendiri kerana kelemahannya yang senantiasa memilih orang yang salah. Sehubungan dengan ini, bagi saya, soalan yang sewajarnya kita tanyakan bukanlah sekadar mengapa Mahathir mempunyai kelemahan sahsiah yang asasi ini. Malah, dalam hal inipun saya kurang percaya dengan dakwaan Mahathir. Apa yang berlaku ialah Mahathir sebenarnya senantiasa didorong oleh kepentingan dirinya sendiri. Malangnya (atau untungnya), sebagai manusia, orang-orang yang dipilihnya itu juga terus berkembang peribadinya dan tidak akan selama-lama dapat dibayangi oleh kehendak dan kerena Mahathir. (Demikianlah juga nasib semua timbalan Mahathir sebelum Pak Lah!)

Bukan sekadar Mahathir yang tahu, malah kita semua juga tahu, bahawa sewaktu dia ditunjuk oleh Mahathir untuk menjadi calon penggantinya Pak Lah merupakan naib presiden Umno yang paling rendah jumlah undiannya - lebih rendah daripada undi yang diperoleh Najib, Mahyuddin maupun Muhammad Taib! Soalnya ialah mengapa Pak Lah yang menjadi pilihan Mahathir? Bagi saya, jawabannya mudah sahaja. Pada waktu itu, Mahathir pada hati kecilnya belumlah bersedia untuk berundur dan dia tidak bersedia melepaskan kedudukannya kepada seseorang yang berkemungkinan akan melebihi (*outshine*) dirinya setelah dia berundur kelak. Tambahan pula, pada ketika itu usaha Mahathir untuk menghancurkan samasekali peribadi politik bekas timbalannya sebelum itu, Anwar Ibrahim, masih belum tercapai sepenuhnya. Dalam situasi yang demikian, tidakkah paling baik bagi kepentingan dirinya sendiri untuk melantik seseorang yang diketahui sebagai "musuh ketat" Anwar Ibrahim dalam rangka percaturan kepimpinan Umno, khususnya kepimpinan Umno Pulau Pinang?

Prinsip yang paling utama dalam situasi peralihan kepimpinan dalam sistem demokrasi bukanlah sikap terhutang budi kepada pemimpin lama yang mendahului seseorang itu. Bila seseorang itu mengambil alih tampuk pimpinan maka dia berhak - malah bertanggungjawab - melaksanakan dasar-dasarnya sendiri tanpa perlu merujuk kepada pemimpin lama (lebih-lebih lagi jika dia melihat banyak yang salah pada dasar-dasar pemimpin lama itu). Kendatipun demikian, pada hemat saya Pak Lah telah terlalu banyak memperlihatkan sikap terhutang budi dan berterima kasih yang tidak wajar itu. Dia memilih jalan berdiam diri meskipun dia dikritik dengan berselindung pada mulanya dan kemudian diserang secara terbuka pula.

Musa Hitam menamakan sikapnya itu sebagai "*elegant silence*", meskipun saya menganggap sikap dan pendekatan itu tidak sesuai bagi sebuah sistem demokrasi yang tulen. Rakyat perlu diberitahu segala-galanya dengan sejelas-jelasnya, dan tidak ada sesuatu yang boleh disembunyikan daripada mereka

semata-mata untuk menyenangkan hati seseorang, meskipun oraiig itu bekas PM dan kita terhutang budi kepadanya. Tambahan pula jika bekas PM yang melontarkan kritikan itu sendiri menjelaskan bahawa tujuannya membuat kritikan itu ialah untuk memperoleh penjelasan dan keterangan tentang beberapa hal - seperti yang didakwanya sejak akhir akhir ini.

Saya tidak pasti apakah "teori" saya tentang persekongkolan untuk mencemar Pak Lah itu benar atau tidak. Namun antara orang yang mula-mula menyatakan sokongannya kepada Pak Lah setelah membuat serangan terbukanya ialah Timbalan PM Najib. Walau bagaimanapun, ini tidak membuktikan bahawa teori saya itu salah. Selain tunduk kepada prinsip collective responsibility (tanggungjawab bersama) Najib sedar bahawa nasib kerjayanya bergantung kepada kehendak PM semata-mata. Jawatannya boleh dilucutkan dengan surat rasmi PM yang tidak sampai empat ayat panjangnya (seperti yang terjadi kepada Anwar Ibrahim pada tahun 1998). Oleh kerana niat Mahathir terhadap Pak Lah kini sudah terbuka luas, Najib tampaknya tidak mahu secara terbuka dihubungkan dengan niat tersebut!

Namun bukan Najib sahaja yang tampaknya menjauhkan diri daripada kritikan Mahathir itu - dan menyatakan sokongan dan pujaan terhadap Pak Lah. Para pemimpin parti-parti BN yang lainnya - termasuklah Samy Vellu! - juga secara jelas dan terbuka kini memihak kepada Pak Lah. Para pemimpin Umno yang lainnya juga - dari para menteri, para menteri besar, para ahli majlis tertinggi, ketua-ketua bahagian, malah beberapa pemimpin veteran juga - telah menyuarakan sokongan mereka terhadap Pak Lah. Jika Mahathir selama ini mempunyai tanggapan salah bahawa sokongan terhadapnya masih kuat, bahawa suaranya "bukan suara bersendirian", maka reaksi umum terhadap kritikan terbukanya itu menunjukkan bahawa tanggapannya itu tidaklah benar. Ada kemungkinan bahawa dengan kritikan terbukanya itu dia telah menembak dirinya di kaki. Dan dia dibiarkan sendirian membalut lukanya itu.

Dalam membuat kritikan terbukanya itu, Mahathir seolah-olah lupa tentang "kuasa orang berkuasa" (*the power of incumbency*) - khususnya dalam kerangka politik BN dan Umno yang tidak berasaskan prinsip itu. Sewaktu Mahathir menyingkirkan Anwar Ibrahim pada tahun 1998, sokongan terhadap Anwar pada ketika itu jauh mengatasi sokongan terhadap Mahathir pada waktu ini - malah mungkin juga mengatasi sokongan terhadap Mahathir pada waktu itu sendiri. Namun kerana Anwar disingkirkan oleh seseorang yang berkuasa (*incumbent*) maka ke manakah perginya segala sokongan itu setelah berlaku penyingkiran itu? Sokongan itu bertempiran ke sana sini untuk melepaskan diri masing-masing sehingga tidak ada lagi yang tinggal - meskipun secara diam-diam banyak di antara mereka yang mengkritik niat jahat, sikap tidak berperikemanusiaan, dan usaha menyelamatkan diri yang mendorong si *incumbent* tersebut



NAJIB RAZAK

bertindak. Oleh yang demikian, "sokongan" terhadap tindakan Mahathir terhadap Anwar itu bukanlah kerana dia benar tetapi semata-mata kerana dia digeruni keranta kuasanya.

Jika sekiranya dalam melakukan kritikan terhadap Pak Lah kali ini Mahathir begitu yakin tentang kebenaran dirinya, maka dia sepatutnya sudah tahu bahawa dalam budaya politik kita kebenaran tidak penting, keadilan tidak penting, malah rakyat juga tidak penting. Yang penting hanyalah kuasa. Oleh kerana itu, dalam menghadapi "persengketaan" Mahathir Pak Lah ini beberapa veteran Umno lebih mementingkan pertemuan dua pemimpin itu untuk berdamai daripada mendedahkan di mana sebenarnya terletak kebenaran. Selain itu, Ketua Pemuda PAS sendiri sanggup menerima Mahathir menjadi Ketua Pembangkang, semata-mata kerana beliau kelihatan mengkritik kerajaan. Presiden PAS pula, meskipun tidak memihak, sanggup memberi ruang bersuara kepada Mahathir untuk menyerang Pak Lah. Alasannya ialah kerana Mahathir pernah bekerjasama dengan PAS memperjuangkan "perpaduan Melayu" (termasuklah sewaktu membela rakyat Palestin). Hanya Presiden PAS itu mungkin lupa konteks ajakan Mahathir untuk memperjuangkan "kesepaduan Melayu" itu. Setelah pilihanraya 1999 kedudukan politikinya di kalangan orang Melayu begitu terdesak - dan dia sanggup menerima Allahyarham Fadzil Noor untuk menjadi rakannya memperjuangkan "kesepaduan Melayu"!

Terlalu banyak kebobrokan zaman pemerintahan Mahathir sudah terdedah kini - misalnya kenyataan Ani Arope tentang pembekal bebas kuasa letrik, percabaran syarikat-syarikat konsesi tol, kes AP, dan sebagainya dan seterusnya. Semua ini perlu didedahkan kepada rakyat dan diulas sewajarnya, sama ada bekas PM itu mengkritik PM incumbent ataupun tidak. Bekas PM itu memang, sebagai rakyat biasa negara demokrasi, berhak mengkritik sebarang dasar negara ini yang dianggapnya merugikan negara dan rakyat, bukan sekadar kerana membatalkan projek-projek yang dia mempunyai kepentingan peribadi baik dari segi reputasi maupun kroni. Sudah tibalah masanya budaya politik kita diselamatkan daripada menjadi budaya yang sekadar mementingkan kuasa (khususnya kuasa membela kepentingan peribadi) kepada budaya politik yang lebih menekankan prinsip-prinsip yang lebih muluk seperti keadilan dan kesejahteraan rakyat.